



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

PERATURAN PEMARKAHAN

**BAHASA MELAYU KERTAS 1
1103/1**

**MODUL KECEMERLANGAN SPM SET 1
2023**

KRITERIA PENSKORAN

BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)
Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	Tema / Tugas - Karangan menepati tema/ menjawab tugas bahan rangsangan. Idea - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas dan matang. Bahasa - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Pengolahan - Pengolahan menarik dan berkesan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai. *Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	Tema / Tugas - Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. Idea - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas. Bahasa - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.

		Pengolahan • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	Tema / Tugas • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugas. Idea • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian masih jelas. Bahasa • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas / terhad. • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Pengolahan • Pengolahan masih menarik. • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. • Wacana masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai.
Penguasaan minimum	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	Tema / Tugas • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugas. Idea • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian kurang jelas. Bahasa • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Pengolahan • Pengolahan kurang menarik. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. • Wacana kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai.

Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1 – 9 (6 – 9) (1 – 5)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugas. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

**Bahagian B : Karangan Respons Terbuka
[70 markah]**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	Tugasan - Karangan menjawab tugas. Idea - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. Bahasa - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. Pengolahan - Pengolahan sangat menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Kepujian	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	Tugasan - Karangan menjawab tugas. Idea - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas. - Contoh yang sesuai. Bahasa - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. Pengolahan - Pengolahan menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai.

		- Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Baik	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	Tugasan - Karangan masih menjawab tugas. Idea - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian masih jelas. - Contoh masih sesuai. Bahasa - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. - Penggunaan kosa kata umum. - Ejaan dan tanda baca yang masih betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. Pengolahan - Pengolahan masih menarik. - Pemerenggan masih sesuai. - Wacana masih lengkap. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Memuaskan	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	Tugasan - Karangan masih / kurang menjawab tugas. Idea - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian kurang jelas. - Contoh kurang sesuai. Bahasa - Ayat kurang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. - Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. Pengolahan - Pengolahan kurang menarik. - Pemerenggan kurang sesuai.

		- Wacana masih / kurang lengkap. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
Penguasaan Minimum	21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	Tugasan - Karangan kurang menjawab tugas. Idea - Idea masih relevan mengikut tugas / bercampur aduk. - Huraian tidak jelas / tidak berkembang. - Contoh yang tidak sesuai. Bahasa - Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. - Penggunaan kata kurang tepat. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. - Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. Pengolahan - Pengolahan tidak menarik. - Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang. - Wacana tidak lengkap.
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	1 – 20 (11 – 20) (1 – 10)	Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. - Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. - Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. - Pengolahan tidak menarik. - Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang. - Wacana tidak lengkap.

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

- () - kesalahan isi
- _____ - kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / - kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // - kesalahan ejaan yang berulang
- - kesalahan tanda baca

SOALAN BAHAGIAN A (30 markah)

1. **Format penulisan komen :**

- T - menepati tugas
- I - relevan, huraian jelas
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P - sangat menarik dan berkesan

Gambar dan maklumat di bawah berkaitan dengan pengurusan stres.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **pengurusan stres**.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

2. Kehendak / tugas soal:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **cara / usaha / langkah menguruskan stres** dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.
 - ii. Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:
 - mendapatkan bantuan sokongan profesional
 - melakukan aktiviti berfaedah
 - sekiranya calon menghuraikan '**pengurusan stres perlu dilakukan secara berkesan bagi menjamin kesihatan fizikal dan mental**' sebagai salah satu idea – terima seperti biasa
 - iii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
 - iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan cara pengurusan stres - diterima dan disemak seperti biasa.
 - v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
 - vi. Calon yang menulis melebihi **210** patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada **140** patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

SOALAN BAHAGIAN B

1. **Format penulisan komen :**

- T – menjawab tugas
- I – relevan, huraian jelas
- B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
- P – menarik dan berkesan

Soalan 1

Kemakmuran sesebuah negara amat bergantung kepada keutuhan dan kemantapan hubungan dalam setiap lapisan masyarakat. Oleh itu, semangat kejiranan merupakan aspek yang penting dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks kejiranan, masyarakat perlu saling menghormati dan menjaga keselamatan diri dan harta benda. Selain itu, amalan kunjung-mengunjung juga berupaya melahirkan nilai kasih sayang sesama jiran.

Sumber: <http://www.hmetro.com.my>

Berdasarkan petikan di atas, huraikan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengeratkan hubungan kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Bincangkan.

Kehendak / tugas soal

1. Calon dikehendaki menghuraikan **usaha-usaha** yang boleh dilakukan untuk mengeratkan hubungan kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita **seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu:**

- masyarakat perlu saling menghormati
- menjaga keselamatan diri dan harta benda
- amalan kunjung-mengunjung

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea-idea lain berkaitan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengeratkan hubungan kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita - **terima seperti biasa.**
2. Calon menghuraikan idea lain berkaitan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengeratkan hubungan kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita **tanpa menyentuh** atau **menyentuh sebahagian sahaja** idea dalam petikan – maksimum **Kepujian.**

Soalan 2

Bergelar seorang mahasiswa menjadi impian para pelajar demi masa depan yang gemilang. Namun, mereka perlulah membuat kajian atau mengumpulkan maklumat tentang kursus yang ditawarkan di universiti sebagai gambaran awal bagi menentukan hala tuju selepas tamat pengajian.

Sumber: Internet

Pada pendapat anda, selain saranan yang dinyatakan dalam petikan di atas, apakah persediaan-persediaan yang harus dilakukan oleh para pelajar sebelum melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi?

Kehendak/ tugas soal

1. Calon dikehendaki menghuraikan idea yang tidak terdapat dalam petikan tentang persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh para pelajar sebelum melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi.

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan idea daripada petikan sahaja – maksimum peringkat **Kepujian**.
2. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan – terima seperti biasa.

Soalan 3

Setiap murid akan menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa. Setiap murid juga berpeluang mempelajari bahasa tambahan termasuk bahasa antarabangsa yang lain. Hal ini membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan negara jiran dalam dunia global masa ini.

Sumber: <https://www.moe.gov.my>

Petikan di atas menunjukkan sebahagian daripada kepentingan mempelajari bahasa asing. Anda diminta menyediakan teks syarahan bertajuk 'Kepentingan Menguasai Bahasa Asing' sempena Minggu Bahasa sekolah anda.

Tulis teks syarahan tersebut selengkapnya.

Kehendak/ tugas soal

1. Calon dikehendaki **menulis teks syarahan tentang kepentingan menguasai bahasa asing seperti yang terdapat dalam petikan dan menambahkan idea lain.**

Idea yang terdapat dalam petikan ialah:

- bahasa komunikasi antarabangsa
- membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan negara jiran

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja tanpa menambahkan idea luar petikan – maksimum peringkat **Kepujian**.
2. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **Kepujian**.
3. Karangan format syarahan:
 - tidak ada kata alu-aluan - maksimum peringkat **Kepujian**
 - tidak ada kata penghadapan - maksimum peringkat **Kepujian**

Soalan 4

Aktiviti pelancongan diakui sangat berpotensi tinggi, malah memainkan peranan cukup besar dalam menjana pembangunan ekonomi negara. Budaya warisan lokal kenegerian yang ada di setiap negeri di Malaysia sememangnya cukup unik. Keadaan ini jelas memberikan kelebihan besar buat Malaysia sebagai daya tarikan pelancong.

Sumber: *Berita Harian*, 25 Mac 2021

Bincangkan faktor-faktor pelancong memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Kehendak / tugas soal

1. Calon dikehendaki menghuraikan **faktor-faktor pelancong memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan**.

Kemungkinan Jawapan:

1. Calon menghuraikan '**budaya warisan lokal kenegerian**' sebagai salah satu faktor pelancong memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan - terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan pelancong dalam dan luar negara - terima seperti biasa.

- Jika calon menulis dalam bentuk poin (**Bahagian A dan B**) – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
- **Bahagian B**
 - **Bilangan perkataan 511 dan ke atas – maksimum peringkat KEPUJIAN**
 - **Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat BAIK**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana/ surat)
9. Kata Sendi 'di' dan 'ke'
10. Angka

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT